

**HUBUNGAN ANTARA KONSEP KENDIRI, DIMENSI PERSONALITI DAN  
PERSEKITARAN KELUARGA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR SPA, SPE DAN SPJ**

**NURUL EZZATI BINTI AZIZI**

**Laporan Kajian Pendidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta  
Pendidikan (Kejuruteraan Awam)**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL 2008**

*Untuk Ayah dan Mama,*

*Azizi Bin Yahaya  
Asmah Binti Suboh*

*Dengan doa dan kasih sayangmu memberi kekuatan dan membantuku dalam menghadapi arus kehidupan sehingga kini..*

*Buat along, kakak dan adik yang disayangi,*

*Mohd. Helmi*

*Nurulhuda*

*Muhammad Zuhairi*

*Terima kasih atas sokongan dan doa kalian..*

*Untuk rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu sepanjang perjuangan kita di sini. Terima kasih di atas segalanya.*

## PENGHARGAAN

Segala kesyukuran dipanjangkan kepada Allah Subhanahu Wataala serta selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan keredhaan dan keberkatan-Nya sahajalah saya diberi kekuatan bagi menyempurnakan kertas projek sarjana muda ini.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Yusof bin Boon di atas segala teguran dan bimbingan serta sedia meluangkan masa untuk berbincang sepanjang proses menyediakan kertas projek sarjana muda ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan. Semoga kalian akan berjaya.

Akhir sekali, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam membantu menyempurnakan projek sarjana muda ini.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara konsep kendiri, dimensi personaliti, dan persekitaran keluarga di kalangan pelajar. Sebanyak 158 pelajar daripada Fakulti Pendidikan yang mengambil kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam), Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) dan Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal) dipilih untuk menjadi responden dalam kajian ini. Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 pelajar untuk menguji kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Instrumen yang digunakan untuk menguji dimensi personaliti pelajar dalam kajian ini adalah Inventori Personaliti Junior Eysenck (JEPI) dalam versi Bahasa Melayu yang mempunyai kebolehpercayaan 0.532. Untuk mengukur konsep kendiri pelajar dalam kajian ini Skala Konsep Kendiri Tennessee yang mempunyai kebolehpercayaan 0.834 telah digunakan. Instrumen yang mengukur tahap persekitaran keluarga mempunyai tahap kebolehpercayaan 0.880. Data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan perisian *SPSS (Statistical Package for the Social Sciences)*. Statistik deskriptif dan korelasi Pearson digunakan dalam menganalisa hubungan di antara konsep kendiri, dimensi personaliti dan persekitaran keluarga terhadap pencapaian akademik. Analisis dijalankan pada aras signifikan 0.05. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik, dimensi personaliti dengan pencapaian akademik dan persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik.

## **ABSTRACT**

The purpose of this study is to identify the relationship between the dimensions of personality, self-concept and family environment. The sample consists of 158 students from Faculty of Education. A pilot test was carried out to determine the internal consistency of the questionnaire. The assessment instrument used in this study was the malay version of the Junior Eysenck Personality Inventory (JEPI) which has a reliability level of 0.532. The malay version of the Tennessee Self-concept Scale which has a reliability level of 0.834 was also used. The family environment's questionnaire which has a reliability level of 0.880. All the accumulated data was processed using SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) software. Descriptive statistic and Pearson's Correlation were used to analyze the relationship between the self-concept, dimensions of personality and family environment towards the academic achievement. The results show there is no significant relationship between the self-concept and the academic achievement, between the dimensions of personality and the academic achievement, also between the family environment and the academic achievement.

## **KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xix

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah	8

1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Hipotesis	10
1.7	Kepentingan Kajian	
1.7.1	Kepentingan kepada pelajar	12
1.7.2	Kepentingan kepada ibu bapa pelajar	12
1.7.3	Kepentingan kepada penyelidik akan datang	13
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Takrifan Istilah	
1.9.1	Takrifan Konsep Kendiri	14
1.9.2	Takrifan Dimensi Personaliti	14
1.9.2.1	Takrifan Ekstrovert	16
1.9.2.2	Takrifan Introvert	16
1.9.2.3	Takrifan Neurotik	16
1.9.2.4	Takrifan Kestabilan Emosi	17
1.9.3	Takrifan Keluarga	17
1.9.4	Takrifan Sikap Ibu Bapa	17
1.9.5	Takrifan Pencapaian Akademik	18
1.9.6	Takrifan Pelajar SPA/SPE/SPJ	18

## **BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	19
2.2	Konsep Kendiri	
2.2.1	Teori-teori Konsep Kendiri	20
2.2.1.1	Teori Maslow	22
2.2.1.2	Teori Pemusatan Individu Carl Rogers	24
2.2.1.3	Teori Karen Horney	27

2.2.2	Jenis-jenis Konsep Kendiri	29
2.2.2.1	Konsep Kendiri Positif	30
2.2.2.2	Konsep Kendiri Negatif	31
2.2.3	Teori Hierarki Keperluan Maslow sebagai Model Kajian Konsep Kendiri	33
2.2.4	Penggunaan Teori Hierarki Keperluan Maslow	34
2.3	Dimensi Personaliti	36
2.3.1	Teori-teori Personaliti	38
2.3.1.1	Teori Personaliti Sigmund Freud	39
2.3.1.2	Teori Personaliti Karen Horney	40
2.3.1.3	Teori Personaliti Gordon Allport	41
2.3.1.4	Teori Personaliti Hans J. Eysenck	42
2.3.2	Teori Personaliti Hans J. Eysenck Sebagai Model Kajian Personaliti	44
2.3.3	Penggunaan Teori Personaliti Hans J. Eysenck	45
2.4	Persekutaran Keluarga	46
2.5	Sorotan Kajian Lepas	
2.5.1	Kajian Konsep Kendiri	48
2.5.1.1	Faktor yang Mempengaruhi Konsep Kendiri	48
2.5.1.2	Kajian Hubungan Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik	51
2.5.2	Kajian Dimensi Personaliti	
2.5.2.1	Kajian Hubungan Dimensi Personaliti dengan Pencapaian Akademik	54
2.5.2.2	Kajian Hubungan Dimensi Personaliti dengan Persekutaran Keluarga	56
2.5.3	Kajian Persekutaran Keluarga	
2.5.3.1	Peranan Keibubapaan dan Pencapaian Akademik	60

2.6	Kerangka Kajian	63
2.7	Kesimpulan	64

### **BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	66
3.3	Prosedur Kajian	67
3.4	Tempat Kajian	67
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	68
3.6	Instrumen Kajian	69
3.6.1	Soal Selidik Bahagian A	69
3.6.2	Soal Selidik Bahagian B	70
3.6.3	Soal Selidik Bahagian C	72
3.6.4	Soal Selidik Bahagian D	74
3.7	Kajian Rintis	74
3.8	Analisis Data	75
3.9	Kesimpulan	77

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	78
4.2	Bahagian A– Latar Belakang Responden	
4.2.1	Jantina Responden	78
4.2.2	Pengkhususan Responden	80
4.2.3	Tahap Pendidikan Ibu Bapa Responden	80
4.2.4	Tahap Pencapaian Akademik	82
4.3	Analisis Bahagian B	
4.3.1	Analisis Konsep Kendiri	83

4.3.1.1	Kendiri Fizikal	83
4.3.1.2	Kendiri Etika dan Moral	86
4.3.1.3	Kendiri Peribadi	88
4.3.1.4	Kendiri Keluarga	91
4.3.1.5	Kendiri Sosial	93
4.3.1.6	Kendiri Sifat-sifat Akhlak	96
4.3.2	Analisis Keseluruhan Konsep Kendiri	98
4.4	Analisis Bahagian C	
4.4.1	Analisis Dimensi Personaliti	100
4.4.1.1	Dimensi Personaliti Ekstroversi	100
4.4.1.2	Dimensi Personaliti Neurotisme	101
4.5	Analisis Bahagian D	
4.5.1	Analisis Persekutaran Keluarga	102
4.6	Analisis Inferensi	104
4.7	Kesimpulan	113

## **BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	114
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	
5.2.1	Aspek Demografi Responden	115
5.2.2	Jenis Konsep Kendiri yang Utama Dimiliki Seperti Keluarga, Etika dan Moral, Sifat-Sifat Akhlak, Fizikal, Peribadi dan Sosial	116
5.2.2.1	Konsep Kendiri Keluarga	117
5.2.2.2	Konsep Kendiri Etika dan Moral	118
5.2.2.3	Konsep Kendiri Sifat-sifat Akhlak	118
5.2.2.4	Konsep Kendiri Fizikal	119
5.2.2.5	Konsep Kendiri Peribadi	120
5.2.2.6	Konsep Kendiri Sosial	120

5.2.3	Jenis Dimensi Personaliti yang Utama Dimiliki seperti Ekstroversi dan Neurotisme	121
5.2.4	Tahap Persekutaran Keluarga Pelajar	123
5.2.5	Tahap Pencapaian Akademik Pelajar	124
5.2.6	Hubungan Antara Konsep Kendiri seperti Fizikal, Etika dan Moral, Peribadi, Keluarga, Sosial dan Sifat Akhlak dengan Pencapaian Akademik	125
5.2.6.1	Hubungan Konsep Kendiri Fizikal dengan Pencapaian Akademik Pelajar	126
5.2.6.2	Hubungan Konsep Kendiri Etika dan Moral dengan Pencapaian Akademik Pelajar	127
5.2.6.3	Hubungan Konsep Kendiri Peribadi dengan Pencapaian Akademik Pelajar	128
5.2.6.4	Hubungan Konsep Kendiri Keluarga dengan Pencapaian Akademik Pelajar	129
5.2.6.5	Hubungan Konsep Kendiri Sosial dengan Pencapaian Akademik Pelajar	129
5.2.6.6	Hubungan Konsep Kendiri Sifat-sifat Akhlak dengan Pencapaian Akademik Pelajar	130
5.2.7	Hubungan Antara Dimensi Personaliti dengan Pencapaian Akademik Pelajar	131
5.2.7.1	Hubungan Personaliti Ekstroversi dengan Pencapaian Akademik Pelajar	132
5.2.7.2	Hubungan Personaliti Neurotisme dengan Pencapaian Akademik Pelajar	132
5.2.8	Hubungan Antara Persekutaran Keluarga dengan Pencapaian Akademik	133
5.3	Rumusan	134
5.4	Cadangan	135
5.4.1	Cadangan Kajian Lanjutan	137

<b>BIBLIOGRAFI</b>	138
<b>LAMPIRAN 1</b>	146
<b>LAMPIRAN 2</b>	147
<b>LAMPIRAN 3</b>	148
<b>LAMPIRAN 4</b>	149

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
3.1	Taburan bilangan pelajar bagi setiap kursus	68
3.2	Pembahagian Markat Mengikut Tahap Bagi Pencapaian Akademik	70
3.3	Dimensi-dimensi konsep kendiri	71
3.4	Jadual spesifikasi item SKKT	71
3.5	Skor soal selidik Bahagian B	72
3.6	Pembahagian item berdasarkan dimensi personaliti	73
3.7	Pemarkahan item Bahagian C	73
3.8	Skor soal selidik Bahagian D	74
3.9	Ringkasan pengujian statistik hipotesis kajian	76
3.10	Jadual klasifikasi kekuatan korelasi	76
4.1	Taburan responden mengikut jantina	79
4.2	Taburan responden mengikut penghususan	80
4.3	Taburan responden mengikut tahap pendidikan ibu bapa	81
4.4	Taburan responden mengikut tahap pencapaian akademik	82
4.5	Taburan responden mengikut konsep kendiri fizikal	84
4.6	Taburan responden mengikut tahap konsep kendiri fizikal	85

4.7	Taburan responden mengikut konsep kendiri etika dan moral	87
4.8	Taburan responden mengikut tahap konsep kendiri etika dan moral	88
4.9	Taburan responden mengikut konsep kendiri peribadi	89
4.10	Taburan responden mengikut tahap konsep kendiri peribadi	90
4.11	Taburan responden mengikut konsep kendiri keluarga	92
4.12	Taburan responden mengikut tahap konsep kendiri keluarga	93
4.13	Taburan responden mengikut konsep kendiri sosial	94
4.14	Taburan responden mengikut tahap konsep kendiri sosial	95
4.15	Taburan responden mengikut konsep kendiri sifat akhlak	97
4.16	Taburan responden mengikut tahap konsep kendiri sifat akhlak	98
4.17	Tahap konsep kendiri responden	99
4.18	Taburan dimensi personaliti ekstroversi	100
4.19	Taburan dimensi personaliti neurotisme	101
4.20	Taburan responden mengikut persekitaran keluarga	103
4.21	Tahap persekitaran keluarga	104
4.22	Hubungan kolerasi antara keseluruhan konsep kendiri dengan pencapaian akademik	105
4.23	Hubungan kolerasi antara konsep kendiri fizikal dengan pencapaian akademik	106
4.24	Hubungan kolerasi antara konsep kendiri etika dan moral dengan pencapaian akademik	107

4.25	Hubungan kolerasi antara konsep kendiri peribadi dengan pencapaian akademik	107
4.26	Hubungan kolerasi antara konsep kendiri keluarga dengan pencapaian akademik	108
4.27	Hubungan kolerasi antara konsep kendiri sosial dengan pencapaian akademik	109
4.28	Hubungan kolerasi antara konsep kendiri sifat akhlak dengan pencapaian akademik	110
4.29	Hubungan kolerasi antara keseluruhan dimensi personaliti dengan pencapaian akademik	110
4.30	Hubungan kolerasi antara dimensi personaliti ekstroversi dengan pencapaian akademik	111
4.31	Hubungan kolerasi antara dimensi personaliti neurotisme dengan pencapaian akademik	112
4.32	Hubungan kolerasi antara persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik	112

**SENARAI RAJAH**

<b>NO RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
2.1	Piramid hierarki keperluan Maslow	24
2.2	Pembentukan konsep kendiri	25
2.3	Prinsip konsep kendiri	28
2.4	Empat kategori berasingan individu berdasarkan dua dimensi	44
2.5	Kerangka kajian	63

## **SENARAI SINGKATAN**

CGPA	-	Cummulative Grade Point Accumulated
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
IQ	-	Kecerdasan Akal
ITADB	-	Indeks Topologi Amalan Didikan Baumrind
JEPI	-	Junior Eynseck Personality Inventory
JPU	-	Jadual Penentu Ujian
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SES	-	Status Sosio Ekonomi
SKKT	-	Skala Konsep Kendiri Tennesse
SPA	-	Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam)
SPE	-	Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik)
SPJ	-	Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal)
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TSCS	-	<i>Tennessee Self Concept Scale</i>
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1	Jadual menentukan jumlah sampel daripada populasi oleh Krejcie dan Morgan (1970)	146
2	Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian	147
3	Jadual nilai kebolehpercayaan soal selidik	148
4	Borang kebenaran menjalankan kajian	149

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Malaysia telah melangkah ke alaf baru dengan harapan dunia Sains dan Teknologi ini akan membawa lebih keselesaan dan kesenangan bagi rakyat jelata. Namun begitu, dalam arus kebangkitan ummah sekarang, telah muncul beberapa cabaran dan halangan yang harus ditangani.

Kemajuan dalam bidang Sains dan Teknologi juga telah mencorakkan kehidupan insan dan menggerakkan keinginan manusia untuk mencapai tahap ideal. Walau bagaimanapun, ciri-ciri kemanusiaan haruslah dipupuk selaras dengan kemajuan Sains dan Teknologi.

Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk memanusiakan manusia haruslah diberikan keutamaan dalam hal ini. Falsafah Pendidikan Negara juga bertanggungjawab melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik dan seimbang, berketrampilan, berakhhlak mulia serta patuh kepada Tuhan. Hal ini tidak

menjadi masalah kerana kurikulum sekolah menengah dan sekolah rendah di Malaysia adalah berlandaskan Falsafah ini.

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, sistem persekolahan formal akan dapat melahirkan insan yang mempunyai sahsiah terpuji dan peribadi yang baik. Generasi muda adalah golongan yang akan menerajui pucuk pimpinan negara. Memandangkan hal yang demikian, pembinaan generasi muda haruslah difokuskan kepada membentuk mereka menjadi manusia yang berkualiti dengan memiliki personaliti yang mampu berjaya dan mempunyai konsep kendiri yang tinggi.

Sistem pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk generasi dan pemimpin pada masa akan datang. Oleh itu, sekolah adalah menjadi tempat utama dalam membentuk dan menghasilkan pelajar yang bukan sahaja bijak tetapi juga berwibawa, berkarisma dan berketrampilan untuk menjadi pemimpin di masa hadapan. Bagi merealisasikan impian ini, para pendidik perlulah mempunyai ilmu dan pengetahuan yang cukup dalam pembentukan konsep kendiri pelajar bagi menghasilkan generasi yang lebih berwibawa dan berkeyakinan.

Menurut Kamal (1996), dari perspektif Islam, personaliti adalah satu kesedaran tingkah laku, budi pekerti, amalan, perkataan-perkataan dan pandangan hidup individu. Murugiah (1997) mendapati personaliti adalah ciri-ciri dalam seseorang yang boleh menentukan sikap dan tingkah laku seseorang. Ini menyebabkan setiap individu dilahirkan unik. Tiada seorang pun yang benar-benar sama dengan orang yang lain.

Oleh itu, perbezaan ini menyebabkan setiap individu mempunyai dimensi personaliti yang berbeza dan mempunyai tanggapan tertentu tentang konsep kendirinya. Konsep kendiri boleh dianggap sebagai cara seorang melihat dirinya sendiri serta keupayaannya untuk menilai kekuatan dan kelemahan yang dimilikinya. Menurut Kamaruddin (1996), personaliti menentukan persepsi atau

tanggapan orang lain, sementara konsep kendiri lebih menekankan tanggapan individu itu terhadap dirinya sendiri.

Potkay dan Allen (1986) dalam buku *Personality : Theory, Research and Applications* menyatakan konsep kendiri adalah pandangan individu tentang personaliti dirinya sendiri. Ia adalah persepsi personaliti dari dalam. Dapat disimpulkan bahawa konsep kendiri adalah sebahagian dari personaliti. Fulmer (1972) berpendapat konsep kendiri bergantung kepada interaksi sosial seseorang dengan persekitarannya. Hasil interaksi dan pengalamannya dengan orang-orang signifikan di sekelilingnya khususnya ahli keluarganya mampu mempengaruhi, membentuk dan mengubah konsep kendiri serta personalitinya.

Fungsi keluarga pula adalah untuk meneruskan keturunan. Ia mempunyai pengaruh yang sangat kuat terhadap pembentukan seseorang kanak-kanak. Ini adalah memandangkan lebih banyak masa dihabiskan di rumah bersama ahli keluarga dibandingkan dengan di sekolah. Robiah dan Zaiton (1987) berpendapat sekolah tidak dapat mengambil alih peranan sepenuhnya dari keluarga walaupun dalam satu negara maju. Oleh itu, pendidikan yang utuh dan baik yang diberikan dalam sesebuah institusi keluarga memainkan peranan yang penting untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pelbagai bidang dan lebih-lebih lagi dalam bidang akademik.

Kecemerlangan akademik pula merupakan matlamat utama kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT). Ia merupakan alat pengukur yang menentukan tahap kejayaan seseorang pelajar di dalam bidang akademik di institusi pengajian tinggi. Kecemerlangan di dalam bidang akademik dapat menunjukkan sejauh mana ilmu di dalam sesuatu bidang yang dipelajari itu mampu untuk dikuasai. Perkara ini merupakan satu isu yang amat penting di kalangan pelajar di IPT kerana mereka yang bakal terjun dalam masyarakat dan menggerakkan segala aspek kehidupan dengan menggunakan ilmu dan kepakaran yang telah mereka pelajari di IPT.

Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kesinambungan kemajuan sesebuah negara bergantung kepada mereka. Di bahu mereka inilah terletak seribu satu tugas dan cabaran di dalam membangunkan masyarakat agar dapat berdaya saing setanding dengan negara lain yang pesat berkembang di dalam pelbagai aspek kehidupan. Merekalah yang akan keluar sebagai bakal pemimpin dan tenaga profesional ataupun juga disebut sebagai modal insan yang penting ke arah menyumbang kepada kemajuan negara. Mereka sering digambarkan sebagai model golongan terpelajar yang sering dijadikan contoh di dalam masyarakat. Oleh kerana itu, sekiranya mereka mampu menguasai ilmu yang dipelajari dan mampu mengaplikasikannya di dalam masyarakat, sudah pasti masyarakat tersebut dapat berkembang dan membangun, di samping dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat ke arah yang lebih baik.

Namun begitu, untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, bukanlah satu perkara yang mudah. Banyak sebenarnya faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar. Kecemerlangan akademik juga perlu seiring dengan kecemerlangan aspek-aspek yang lain seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, pengurusan diri, akhlak dan personaliti kerana secara tidak langsung ia banyak membantu ke arah pencapaian akademik yang cemerlang.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Pendidikan merupakan aspek terpenting dalam kehidupan seseorang dan ia menyentuh kehidupan manusia dari semasa ke semasa. Seseorang bayi yang baru dilahirkan juga akan mengalami proses pendidikan dalam kehidupannya sepanjang hayat.

Manakala prestasi pencapaian akademik pelajar adalah berkaitan dengan tahap kecemerlangan seseorang individu atau sejauh mana seseorang individu dapat menguasai ilmu yang dipelajari berdasarkan kepada mata nilai yang tertinggi yang dapat dikumpul.

Oleh itu, pencapaian akademik yang cemerlang merupakan idaman setiap insan yang bergelar pelajar. Pencapaian akademik yang cemerlang dapat mempengaruhi masa depan pelajar kerana dengan adanya kelulusan yang cemerlang, akan menjamin pekerjaan yang baik, pendapatan yang terjamin dan kedudukan sosial yang lebih baik. Pencapaian akademik yang tinggi bagi seseorang pelajar adalah menjadi kebanggaan dan harapan sekolah, ibu bapa dan pelajar itu sendiri.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merupakan salah satu daripada institusi pengajian tinggi yang memberi peluang kepada mereka yang cemerlang dan berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran dalam kursus-kursus yang ditawarkan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Dr. Arham Abdullah, Baharin Mesir dan Ahmad Muhammin Mohamad, secara keseluruhannya, prestasi akademik pelajar-pelajar di UTM biasanya berada di tahap yang sederhana. Hal ini demikian kerana, bilangan pelajar yang berjaya memperoleh Ijazah Kelas Pertama setiap tahun sangat rendah iaitu kurang dari 10% daripada jumlah pelajar yang graduan setiap tahun. Jumlah ini amat rendah berbanding pelajar yang memperolehi Ijazah Kelas Kedua dan Ijazah Kelas Ketiga. Senario ini menggambarkan keadaan yang sukar untuk mendapat kecemerlangan dalam bidang akademik.

Masalah ini bukan hanya terhenti setakat ini, malahan ia berlarutan ketika graduan memasuki pasaran kerja. Pencapaian akademik yang baik merupakan antara kriteria yang penting diambil kira oleh pihak majikan. Oleh kerana itu sukar bagi pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah untuk mendapatkan kerja yang dipohon kerana tidak mampu bersaing dengan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik. Akibatnya pengangguran di kalangan siswazah semakin bertambah.

Sejak kebelakangan ini, pihak media banyak memaparkan mengenai kelemahan pelajar menguasai pembelajaran dengan berkesan. Begitu juga rungutan dari masyarakat yang tidak berpuas hati dengan para lulusan universiti yang dikatakan tidak berkeyakinan diri dan berwibawa apabila mereka berada di alam pekerjaan.

Sebenarnya bagi melahirkan generasi yang berkeyakinan, berwibawa dan berketrampilan dalam menangani kehidupan memerlukan asasnya iaitu pembentukan konsep kendiri yang positif. Menurut Ainon (2003), tingkah laku seseorang itu amat dipengaruhi oleh konsep kendirinya. Konsep kendiri seseorang membentuk tingkah laku seseorang. Sekiranya seseorang itu berkonsep kendiri negatif, ia akan membentuk tingkah laku yang negatif. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu mempunyai tanggapan bahawa beliau adalah seorang yang tidak berani bercakap di khalayak ramai maka sampai bila-bila pun beliau tidak akan berkeyakinan dalam memberi ucapan di khalayak ramai. Berdasarkan keadaan itu, seseorang itu hanya mengubah tingkah lakunya sesudah ia mengubah konsep kendirinya terlebih dahulu.

Menurut Hussein (1993), keluarga juga merupakan salah satu faktor yang dipercayai mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pencapaian seseorang pelajar dalam akademik. Ibu bapa lazimnya mendidik anak mereka supaya mendapat pekerjaan yang baik, tetapi pendidikan tersebut tidak hanya bertujuan untuk memperoleh pendapatan. Sesetengah orang menganggap perolehan ilmu merupakan tujuan pendidikan, sementara yang lain menganggapnya sebagai perkhidmatan masyarakat atau menjadi warganegara yang baik sebagai tujuan pendidikan.

Walau bagaimanapun, manusia berbeza dari segi tujuan dan dorongan yang menyebabkan mereka ingin mencapai suatu tujuan. Walaupun terdapat perbezaan motif dan keperluan yang mendorong seseorang untuk mengerjakan sesuatu aktiviti tertentu pada suasana tertentu, namun tidak dapat dinafikan manusia mempunyai keperluan yang hampir sama (Kamal, 1996).

Sebenarnya bagi melahirkan generasi yang berkeyakinan, berwibawa dan berketrampilan dalam menangani kehidupan memerlukan asasnya iaitu pembentukan konsep kendiri yang positif.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd. Noor (1999) menunjukkan bahawa terdapat satu aspek persekitaran rumahtangga yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar iaitu orientasi nilai ibu bapa. Kajian ini mempunyai implikasi penting kepada peranan ibu bapa dalam meningkatkan pencapaian akademik anak-anak mereka.

Mok (1998), ibu bapa mempunyai harapan yang tinggi terhadap pencapaian persekolahan anaknya. Dorongan oleh ibu bapa kepada anak-anak memainkan peranan yang penting dalam mendorong anaknya berusaha dengan lebih giat lagi untuk mencapai prestasi yang tinggi di sekolah sama ada dalam bidang kurikulum mahupun ko-kurikulum. Pernyataan ini disokong oleh Koh (1982) yang menyatakan bahawa ibu bapa yang sentiasa memberi bimbingan dan galakan terhadap minat anaknya akan membantu anaknya melibatkan diri secara aktif dan berkesan dalam aktiviti pembelajaran.

Perasaan empati terhadap keadaan anak-anak dapat membantu mereka mengembangkan kebolehan dengan sebaik mungkin. Ibu bapa yang bersikap empati dan faham mengenai naluri anak-anak akan dapat membantu meningkatkan keazaman anak-anak untuk melakukan eksplorasi dan bereksperimen tanpa kekangan. Pernyataan ini disokong oleh Tajul Ariffin (1990) dalam bukunya ‘Pendidikan Satu Pemikiran Semula’ yang menyatakan bahawa ibu bapa yang sentiasa mengambil tahu segala kerja dan tingkah laku anaknya dapat memastikan tingkah laku tersebut mencerminkan kesediaan yang tinggi terhadap pekerjaan.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun. Untuk terus maju, setiap lapisan ahli masyarakat haruslah menyumbangkan tenaga. Pelajar adalah merupakan golongan yang akan menjadi penyumbang kepada tumpuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Oleh itu, mereka haruslah mempunyai konsep kendiri tinggi dan peribadi atau personaliti yang boleh dikagumi untuk memajukan negara.

Golongan remaja seperti pelajar adalah golongan yang sering mengalami cabaran dan dugaan. Mereka belum stabil dan masih terumbang-ambing dalam mencari identiti diri. Dalam proses ini, unsur-unsur positif dan negatif adalah senang dan cepat meresap untuk membentuk sahsiah dan personaliti remaja apabila dewasa. Melalui personaliti dan konsep kendiri yang dibentuk ini, secara tidak langsung akan memberi pengaruh dalam prestasi akademik mereka. Dengan kata lain, mereka yang mempunyai konsep kendiri dan personaliti yang berbeza, mempunyai pencapaian akademik yang berbeza.

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif iaitu:

- i. Untuk mengenalpasti jenis konsep kendiri yang utama dimiliki seperti fizikal, etika dan moral, peribadi, keluarga, sosial dan sifat-sifat akhlak di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- ii. Untuk mengenal pasti jenis dimensi personaliti yang utama dimiliki seperti ekstroversi dan neurotisme di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.

- iii. Untuk mengenal pasti tahap persekitaran keluarga di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- iv. Untuk mengenal pasti tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- v. Untuk mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara jenis konsep kendiri seperti fizikal, etika dan moral, peribadi, keluarga, sosial dan sifat-sifat akhlak dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- vi. Untuk mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti seperti ekstroversi dan neurotisme dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- vii. Untuk mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar SPA, SPE dan SPJ.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Sehubungan daripada pernyataan-pernyataan di atas, beberapa persoalan berikut dikemukakan:

- i. Apakah jenis konsep kendiri yang utama dimiliki seperti fizikal, etika dan moral, peribadi, keluarga, sosial dan sifat-sifat akhlak di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ?

- ii. Apakah jenis dimensi personaliti yang utama dimiliki seperti ekstroversi, dan neurotisme di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ?
- iii. Apakah tahap persekitaran keluarga di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ?
- iv. Apakah tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar SPA, SPE dan SPJ?
- v. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara jenis konsep kendiri seperti fizikal, etika dan moral, peribadi, keluarga, sosial dan sifat-sifat akhlak dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ?
- vi. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti seperti ekstroversi dan neurotisme dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar SPA, SPE dan SPJ?
- vii. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar SPA, SPE dan SPJ?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lepas yang berkaitan dengan dimensi personaliti dan pencapaian akademik pelajar ataupun konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, belum ditemukan kajian yang melihat hubungan antara dimensi personaliti dan konsep kendiri serta hubungannya dengan persekitaran keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis yang dibentuk untuk mencapai objektif kajian adalah seperti berikut:

- Hipotesis nol 1: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara jenis konsep kendiri seperti fizikal, etika dan moral, peribadi, keluarga, sosial dan sifat akhlak dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- Hipotesis nol 1.1: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara fizikal dengan pencapaian akademik pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- Hipotesis nol 1.2: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara etika dan moral dengan pencapaian akademik pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- Hipotesis nol 1.3: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara peribadi dengan pencapaian akademik pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- Hipotesis nol 1.4: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara keluarga dengan pencapaian akademik pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- Hipotesis nol 1.5: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara sosial dengan pencapaian akademik pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- Hipotesis nol 1.6: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara sifat akhlak dengan pencapaian akademik pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- Hipotesis nol 2: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti seperti ekstroversi dan neurotisme dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar SPA, SPE dan SPJ
- Hipotesis nol 2.1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ekstroversi dengan pencapaian akademik pelajar SPA, SPE dan SPJ.
- Hipotesis nol 2.2: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara neurotisme dengan pencapaian akademik SPA, SPE dan SPJ.
- Hipotesis nol 3: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik pelajar SPA, SPE dan SPJ.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Banyak kajian telah dijalankan di dalam dan luar negara berkaitan dengan pembelajaran, khususnya berkaitan dengan masalah pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Oleh itu, hasil kajian ini dijalankan mempunyai beberapa kepentingan seperti berikut:

### **1.7.1 Kepentingan Kepada Pelajar**

Selain daripada itu, dapatan kajian ini diharap dapat membantu dan memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar sendiri tentang perkara yang mungkin boleh menyebabkan mereka lemah dalam akademik dan seterusnya membantu mereka memperbaiki kelemahan tersebut.

### **1.7.2 Kepentingan Kepada Ibu Bapa Pelajar**

Kajian ini juga dapat memberi pendedahan kepada para ibu bapa pelajar bagi memastikan mereka mengambil berat hal-hal yang berkaitan dengan akademik anak-anak. Hal ini secara tidak langsung akan mengubah sikap ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka agar lebih mementingkan pelajaran. Oleh itu, melalui sikap positif ibu bapa ini diharap akan meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar di masa akan datang.

### **1.7.3 Kepentingan Kepada Penyelidik Akan Datang**

Penyelidik yang akan datang pula boleh menggunakan dapatan ini sebagai rujukan untuk menghasilkan kajian yang lebih sempurna dalam usaha untuk memperbaiki pencapaian akademik pelajar di Fakulti Pendidikan, UTM.

### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melihat perhubungan antara konsep kendiri, dimensi personaliti dan persekitaran keluarga terhadap pencapaian akademik.

Konsep kendiri yang akan dikaji adalah konsep kendiri fizikal, konsep kendiri etika moral, konsep kendiri peribadi, konsep kendiri keluarga, konsep kendiri sosial, dan konsep kendiri sifat-sifat akhlak. Dimensi personaliti yang akan dikaji pula adalah dimensi personaliti Ekstroverti (Ekstrovert – Introvert) dan dimensi personaliti Neurotisme (Stabil – Tidak Stabil). Kajian ini juga akan mengambil kira persekitaran keluarga daripada aspek kerjasama dan sikap setiap ahli.

Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pengajian di bawah Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini tidak mengawal faktor luaran yang boleh mempengaruhi pembentukan konsep kendiri dan dimensi personaliti seperti tahap pendidikan ibu bapa atau SES pelajar.

Oleh kerana kajian ini dijalankan hanya di sebuah institusi sahaja iaitu UTM, maka keputusan kajian agak terbatas dan tidak boleh digunakan untuk menerangkan keadaan yang sama wujud di institusi-institusi lain di Malaysia.

## 1.9 Takrifan Istilah

### 1.9.1 Takrifan Konsep Kendiri

Woolfolk (2000) mentakrifkan konsep kendiri sebagai satu komposit idea, perasaan dan sifat tentang diri mereka sendiri. Konsep kendiri juga satu cara kita cuba menerangkan tentang diri kita sendiri kepada kita ataupun cara membentuk satu skema atau model mengumpul impresi, perasaan dan sikap tentang diri kita sendiri.

James (1890 dalam Smith, 1987), telah membahagikan kendiri kepada dua bahagian iaitu:

- a) Kendiri sebagai yang mengetahui, '*the self as knower or I*' yang aktif memproses pengalaman. Ia adalah konsep universal di mana semua orang dapat memproses pengalamannya.
- b) Kendiri sebagai yang diketahui, '*the self as known or me*', iaitu kandungan apa yang dialaminya. Ia adalah konsep yang spesifik kepada individu tersebut.

### 1.9.2 Takrifan Dimensi Personaliti

Personaliti adalah gambaran keseluruhan tentang tingkah laku yang tersusun yang boleh meramalkan apa yang akan dilakukan oleh individu secara luaran dan dalaman. Personaliti melambangkan ciri keperibadian individu iaitu kecenderungan seorang untuk bertingkah laku mengikut cara tertentu.

Allport (1971) menyatakan personaliti adalah sesuatu yang sebenar dalam diri seorang individu yang boleh membimbing ciri-ciri tingkah laku dan

pemikirannya. Menurutnya juga, personaliti seseorang adalah merupakan satu organisasi sistem psikologi dan fizikal yang dinamik dari satu peringkat ke peringkat perkembangan yang lain.

Eysenck (1947) mendefinisikan personaliti sebagai satu organisasi yang agak stabil dan berkekalan ciri-ciri emosi, fizikal, intelek seorang individu yang menentukan penyesuaianya yang unik kepada persekitaran. Definisi ini menitik beratkan trait iaitu ciri-ciri yang stabil dan berkekalan dan bila trait ini dikumpulkan ia akan menjadi '*type*' dalam erti kata lain, koleksi trait personaliti selalunya wujud bersama dan menyumbang kepada '*type*' personaliti. Personaliti bermula dan berkembang melalui interaksi trait ini di mana tingkah laku akan dibentuk.

Eysenck telah mengutarakan tiga jenis personaliti iaitu Ekstroversi (E) , Neurotisme ( N) dan Psikotisme (P) (dalam Potkay & Allen 1986)

Ekstroversi adalah profail personaliti yang bersifat bipolar. Dua dimesi didapati dalam skala Ekstroversi. Individu dengan skor tinggi dalam skala Ekstroversi adalah individu Ekstrovert (Eks) dan individu dengan skor rendah adalah individu Introvert (Int).

Neurotisme juga adalah profail yang bersifat bipolar. Dua dimesi didapati dalam skala Neurotisme. Individu dengan skor tinggi pada skala Neurotisme adalah mempunyai dimensi Neurotik atau Tidak Stabil ataupun Ketidakstabilan (TS) sementara individu yang dengan skor rendah adalah mempunyai personaliti Stabil atau Kestabilan (S). (Feist, 1985)

### **1.9.2.1 Takrifan Ekstrovert**

Ekstrovert adalah individu yang suka bersosial, adalah aktif, mudah bergaul, berjenaka dan cepat mesra. Ekstrovert juga tidak suka perkara akademik dan selalunya tidak mengambil berat tentang tugas yang ditanggung jawabkan. Individu ini adalah optimistik dan kadang-kala agresif. Mereka mempunyai emosi yang sering berubah-ubah.

### **1.9.2.2 Takrifan Introvert**

Introvert adalah seorang pendiam yang sentiasa meneliti diri sendiri, suka menjauhkan diri dan adalah berhati-hati dalam kelompok besar. Individu Introvert selalu memikirkan masa depan mereka tetapi adalah pesimistik. Mereka mementingkan prinsip dan etika serta harga nilai.

### **1.9.2.3 Takrifan Neurotik (ketidakstabilan emosi)**

Ini adalah individu yang terlalu mengikut perasaan, rasa malu, mudah rasa cemas, bimbang dan kadang-kadang hysteria. Individu jenis ini sering dikaitkan dengan penjenayah.

#### **1.9.2.4 Takrifan Kestabilan Emosi**

Individu ini adalah stabil dan normal, tidak mudah merasa bimbang dan tidak mudah rasa cemas. Individu dapat mengawal emosi apabila berdepan dengan situasi mendadak. Mereka juga dapat mengawal emosi mereka.

#### **1.9.3 Takrifan Keluarga**

Kamus Dwibahasa (1986) mendefinisikan keluarga sebagai kumpulan yang terdiri dari suami dan isteri serta anak-anak.

Horton dan Hunt (1991) pula mentakrifkan keluarga sebagai ibu, bapa, anak-anak atau lebih hubungan darah perkahwinan atau adopsi dan tinggal bersama dalam satu rumah tangga.

#### **1.9.4 Takrifan Sikap Ibu Bapa**

Sharifah Alwiyah (1989), mendefinisikan sikap sebagai keadaan di mana seseorang individu itu mudah dipengaruhi untuk bertindak secara positif dan negatif terhadap orang lain, idea atau sesuatu kejadian. Ames (1989) pula berpendapat, sikap sebagai suatu tindak balas positif atau negatif terhadap sesuatu objek, keadaan atau situasi, atau orang lain.

Dalam kajian ini, sikap ibu bapa merangkumi sikap positif dan negatif. Sikap positif ialah sikap yang menyokong setiap aktiviti pembelajaran pelajar. Manakala

sikap negatif pula, ialah semua sikap yang tidak menyokong setiap aktiviti pembelajaran pelajar.

### **1.9.5 Takrifan Pencapaian Akademik**

Carter V. Good (1973), mentakrifkan bahawa pencapaian adalah sebagai penyelesaian atau kecekapan pencapaian yang diperolehi dalam sesuatu kemahiran yang diberi atau pengatahan di sekolah secara teori berbeza dengan kecerdasan tetapi dikaitkan dengannya. Azman (1994) menyatakan bahawa pencapaian akademik merupakan apa yang dihasilkan atau yang diperolehi oleh seseorang dalam sesuatu pelajaran.

Dalam kajian ini, pencapaian akademik yang dimaksudkan ialah CPA yang diperolehi oleh pelajar untuk kesemua mata pelajaran yang diambil.

### **1.9.6 Takrifan Pelajar SPA/SPE/SPJ.**

Pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/Elektrik/Mekanikal) bagi sesi semester 2007/2008

## **BIBLIOGRAFI**

- Adelson, Daniel and Douvan, Bernard L. (1958). *Psychological Stress : Theory, Research, and Action*. New York: Behavioral Publication.
- Ainon Mohd. (2003). *Psikologi Asuhan Keluarga*. Kuala Lumpur: PTS Publication and Distributors.
- Allport, G. W. (1971) *Personality : A Psychological Interpretation*. London : Redwood Press Limited.
- Azizah Salleh. (1995). *Tinjauan Ke Atas Ciri-Ciri Latar Belakang Keluarga dan Konsep Kendiri Remaja Lelaki yang Ponteng Sekolah Di Sekolah Dato Jaafar, Johor Bahru, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek. (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Fawziah Yahaya, Zurihanmi Zakariya dan Nordin Yahaya. (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek, Shahrin Hashim dan Yusof Boon. (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Azizi Yahaya, Yosof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek, Fawziah Yahaya dan Amir Hamzah. (2004). *Psikologi Sosial*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Azlina Mohd. Kosnin, Saniah Sayuti dan Azizah Rejab. (2002). *Pengaruh Persepsi Terhadap Tingkahlaku Keibubapaan Terhadap Penghargaan Kendiri Pelajar Awal Dewasa*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Penyelidikan.

Bischof, L. J. (1991) *Interpreting Personality Theories*. 2<sup>nd</sup> ed. New York : Harper & Rows Publishers, Inc.

Boocock, S. S. (1972). *An Introduction to The Sociology of Learning*. New York : Houghton.

Brookover, Wilbur B dan Gottlieb, David. (1964). *A Sociology of Education*. New York : Van Nostrand Reinhold.

Burns, R. B. (1979). *The Self Concept : Measurement, Development and Behaviour*. London : Longman

Chai Siong Yien. (2006). *Persepsi pelajar-pelajar tingkatan 4 terhadap gaya kepimpinan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Pangkor, Perak*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Combs, A.W. and Soper, D. (1957). *The Self Its Derivative Terms and Research*. Journal of Individual Psychology. 13. 134-5.

Coopersmith, S. (1980) *The Antecedents of Self Esteem*. San Francisco : Freeman.

Dusek, Jerome B. (1996). *Adolescent Development and Behavior*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

Entwistle, Noel. (1981). *Styles of Learning and Teaching : An Integrated Outline of Educational Psychology for Students, Teachers, and Lecturers*. Chichester : John Wiley.

Eysenck, H. J. (1947) *Dimensions of Personality*. London : Routledge and Kegan Paul.

Feist, J. (1985) *Theories of Personality*. New York : Holt, Rinehart and Winston.

Fouzder, N.B and Markwick, Andrew J.W. (2000). *Self-Perception, Individual Learning Style and Academic Achievement of A Pair of Bilingual Twins in A Secondary School*. International Journal of Science Education. Vol. 22. Issue 6. 583-602.

Freud, S. (1940). *An Outline of Psychoanalysis*. New York : Norton.

Fulmer, D. W. (1972). *The School Counsellor Consultant*. Boston : Houghton Mifflin Company.

Good, Carter Victor. (1972). *Essentials of Educational Research: Methodology and Design*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall

Greenberg, Jerrold S. (1992). *Your Personal Stress Profile and Activity Workbook*. Madison: Brown & Benchmark.

Hamachek, Don E. (1971). *Encounters with The Self*. New York : Holt, Rinehart and Winston.

Hergenhahn, B.R. and Olsen, M.H. (1999). *An Introduction to Theories of Personality*. 5<sup>th</sup> Edition. New Jersey : Prentice Hall.

Horney, K. (1950). *Neurosis and Human Growth : The Struggle Towards Self-Realization*. New York : Norton.

Horton, Paul B. & Hunt, Chester L. (1991) *Sosiologi*. Jakarta : Erlanggo

Hurlock, Elizabeth B. (1974). *Personality Development*. New York : McGraw-Hill.

Hussein Mahmood. (1993). *Kepimpinan dan Keberkesan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

James, G Clawson. (1990). *Self-Assessment and Career Development*. Englewood Cliffs, NJ : Prentice Hall.

Kagan, Jerome. (1969). *Understanding Children : Behavior, Motives And Thought*. New York : Harcourt Brace Jovanovich.

Kamal Abd. Manaf (1996). *Manusia dan Personaliti : Membentuk Insan yang Sempurna*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Kamaruddin Hj. Husin (1996). *Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

*Kamus Dwibahasa* (1986). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dwibahasa*. (1996). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koh Boh Boon. (1982). *Bahan Pengajaran Kendiri Terancang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research*. Educational and Psychological Measurement.

Maslow, Abraham H. (1970). *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row

Mavis Janang. (1999). *Hubungan Dimensi Personaliti dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kerajaan Batu Lintang, Kuching, Sarawak*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda

Menninger, Karl A. (1930). *Theory of Psychoanalytic Technique*. New York : Basic Books.

Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Basri Hj Abdullah. (1999). *Perkaitan Di Antara Konsep Kendiri Dengan Kemerosotan Nilai Di Kalangan Pelajar Dari Keluarga Tunggal : Satu Tinjauan Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Machang Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Mohd Fadzillah Kamsah dan Rahmad Ismail. (1996). *Kecemerlangan Mendidik Anak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Mohd Noor Awang. (2002). *Aspek-Aspek Persekutaran Rumahtangga yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Setinggan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Mohd. Sulaiman Yasin. (1992). *Empat Konsepsi Asas Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah.

Mok Soon Sang (2002). *Psikologi Pendidikan*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Murugiah Velayutham (1997). *Psikologi Pendidikan : Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Nada Abi Samra. (2000). *The Relationship Between Emotional Intelligence and Academic Achievement in Eleventh Graders*. Montgomery: Auburn University.

Narinder Kaur A/P Peara Singh. (2002). *Hubungan di antara Dimensi Personaliti, Konsep Kendiri dengan Pengaruh Keluarga di Tanah Rancangan Felda*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Noor Sa'adah Royani. (1999). *Hubungan di antara Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Potkay, Charles R. dan Allen, Bem P. (1986). *Personality : Theory, Research and Applications*. California : Wadsworth Inc.

Robiah Sidin dan Zaiton Sidin. (1987). *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rogers, C.R. (1980). *A Way of Being*. Boston : Houghton Mifflin.

Rogers, S. R. (1951) *Client Centred Therapy*. Boston : Houghton Mifflin.

- Rohana Hj. Isa. (2000). *Hubungan antara Peranan Keibubapaan dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Rohana Ibrahim. (2000). *Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Rozman Harun. (1999). *Hubungan Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Sagilah Krishnan. (2003). *Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Hubungannya dengan Personaliti Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Samuel M Craver. (1977). *Philosophical Foundations of Education*. Columbus : Merrill
- Sasikala Madavan. (2003). *Corak asuhan keluarga dan hubungan dengan pembentukan personaliti remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda
- Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub. (2002). *Teori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Pahang : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff (1989). *Falsafah Pendidikan. Edisi ke 3*. Kuala Lumpur: Hernemann Asia.
- Siti Rahimah Hassan. (2000). *Pengaruh status sosioekonomi keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Beris Kubor Besar, Kelantan : Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Smith, H. W. (1987). *Introduction to Social Psychology*. New Jersey : Prentice Hall Inc.

Tajul Ariffin Noordin. (1990). *Pendidikan : Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Woolfolk, A. E. (1998) 7<sup>th</sup> ed. *Educational Psychology*. London : Allyn and Bacon.

Zulkifli Mohd Yasin. (2003). *Hubungan Antara Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Pontian*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.